

**LAPORAN HARI SUKAN**  
**SEKOLAH MENENGAH AGAMA SAINS KUALA PILAH**

Tarikh: 19 Februari 2017

Masa: 7.30 pagi – 1.00 petang

Lokasi: Sekitar padang SMA Sains Kuala Pilah

Kehadiran: Ibu bapa, pelajar-pelajar dan guru-guru

**PENGENALAN**

Hari Sukan Sekolah merupakan satu aktiviti tahunan yang perlu dilaksanakan untuk memenuhi program tahunan sekolah yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini diadakan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari semua aspek iaitu jasmani, rohani, intelek dan emosi sekali gus mencapai ke arah matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sehubungan dengan itu, Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah telah mengadakan Hari Sukan Sekolah bertariikh 19 Februari 2017 iaitu pada hari Ahad. Melalui kegiatan sukan, pelajar bukan sahaja dapat mencapai kecemerlangan dalam bidang ini, malahan juga dalam pengalaman lain seperti sosial, kepimpinan serta dapat meningkatkan disiplin diri.

**SEBELUM SAMBUTAN HARI SUKAN**

Satu mesyuarat guru telah diadakan pada 25 Januari 2017 bagi membincangkan dan menetapkan program Hari Sukan Sekolah. Dalam mesyuarat itu, setiusaha kokurikulum telah membentangkan kertas kerja serta membahagikan tugas pada setiap unit. Mesyuarat juga telah menetapkan bahawa Hari Sukan Sekolah akan diadakan pada 19 Februari 2017. Di akhir mesyuarat, Pengetua meminta semua guru bekerjasama dalam membuat persiapan agar Hari Sukan Sekolah yang akan diadakan tidak lama lagi dapat berjalan dengan lancar.

Menjelang Hari Sukan Sekolah yang semakin hampir, aktiviti gotong-royong telah diadakan bertujuan untuk membersihkan persekitaran padang sekolah. Seluruh warga Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah telah bersama-sama dalam menjalankan aktiviti ini. Antara aktiviti yang dijalankan ialah memotong rumput, membuat garisan padang,

mendirikan khemah dan sebagainya. Gotong-royong ini telah diketuai oleh Ustaz Mubarak, ketua warden SMA Sains Kuala Pilah dan turut dibantu oleh guru-guru dan murid-murid. Setelah aktiviti gotong-royong selesai, raptai perarakan bagi setiap rumah sukan telah dilakukan bagi memastikan setiap murid mendapat gambaran perjalanan majlis perasmian Hari Sukan Sekolah pada keesokan hari. Raptai ini dijalankan secara berulang kali supaya semua murid mendapat gambaran yang lebih jelas di samping beberapa penambahbaikan telah dilakukan.

## **SEMASA SAMBUTAN HARI SUKAN**

Sambutan Hari Sukan Sekolah SMA Sains Kuala Pilah bermula pada hari Ahad bersamaan 19 Februari 2017 pada jam 7.30 pagi. Aturcara dimulakan dengan pendaftaran peserta-peserta dan disusuli dengan perarakan masuk oleh setiap ahli rumah sukan. Terdapat empat rumah sukan iaitu Rumah Kuning (Toriq bin Ziad), Rumah Merah (Kholid Al Walid), Rumah Biru (Amru Al 'Aas) dan Rumah Hijau (Salman Al Farisi). Setelah itu, murid-murid diminta untuk berkumpul dalam pasukan rumah masing-masing. Aturcara kemudian diteruskan dengan nyanyian lagu Negaraku dan bacaan doa yang diketuai oleh Ustaz Nizam. Sejurus berakhirnya bacaan doa, murid-murid lelaki bergerak ke dewan bagi memberi laluan kepada murid-murid perempuan memulakan acara. Manakala murid-murid lelaki pula akan menjalani acara-acara yang dipertandingkan pada jam 9.45 pagi.

Antara acara yang dipertandingkan ialah larian 100m, 200m, 400m dan 800m. Selain itu, terdapat juga pertandingan bagi acara lompat jauh, melontar peluru, melempar cakera dan merejam lembing. Sebelum memulakan acara pertandingan, guru yang bertugas telah menyatakan syarat-syarat pertandingan kepada para peserta. Sepanjang pertandingan dijalankan, ternyata terdapat beberapa murid-murid SMA Sains Kuala Pilah mempunyai bakat yang terpendam boleh dicungkil dan digilap supaya menjadi lebih baik. Semua peserta menunjukkan semangat kesukanan dan persaingan sesama sendiri yang sihat. Acara-acara bagi kategori murid-murid telah berjaya diselesaikan pada jam 11 pagi. Selepas itu, aturcara diteruskan dengan pertandingan sukaneka antara tetamu VIP iaitu ibu bapa yang hadir dan juga guru-guru. Pertandingan sukaneka ini berlangsung dengan meriah hasil kerjasama yang baik terutama oleh ibu bapa. Sukaneka ini telah berakhir pada jam 11.20 pagi dan aturcara ditangguhkan bagi memberi peluang kepada peserta dan guru-guru yang bertugas untuk berehat dan membuat persediaan bagi pertandingan perbarisan dan majlis penutup yang akan dirasmikan oleh adun Johol, YB Tn. Hj. Abu Samah Bin Mahat.

Pada jam 11.30 pagi, ketibaan YB Tn. Hj. Abu Samah Bin Mahat telah membuatkan para peserta lebih bersemangat walaupun cuaca dilihat semakin panas. Aturcara kemudian diteruskan dengan pertandingan perbarisan. Setiap ahli kontinjen begitu bersemangat semasa melakukan perbarisan dan pelbagai aksi menarik yang ditunjukkan oleh mereka. Di samping itu, setiap perbarisan yang dilakukan oleh keempat-empat rumah sukan akan diperiksa dan dinilai sendiri oleh YB Tn. Hj. Abu Samah Bin Mahat. Pertandingan perbarisan ini telah berakhir pada tepat jam 12.00 tengahari dan disambung dengan majlis perasmian penutup. Majlis ini dimulakan dengan bacaan doa dan disusuli ucapan oleh tuan pengetua, Ustaz Ramlan Bin Md. Din. Antara intipati ucapan pengetua ialah murid-murid perlu diberi pendedahan dan saingan yang sihat agar mereka mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi dan dapat mengharumkan nama sekolah. Setelah itu, tibalah masa yang dinantikan iaitu ucapan perasmian penutup dan penyampaian hadiah oleh YB Tn. Hj. Abu Samah Bin Mahat. Di dalam ucapannya, beliau amat berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh murid-murid SMA Sains Kuala Pilah di peringkat tertinggi terutama di dalam bidang akademik dan sukan. Beliau kemudiannya berbesar hati menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi setiap acara yang dipertandingkan pada hari itu dan Rumah Hijau telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan pada kali ini.

### **SELEPAS SAMBUTAN HARI SUKAN**

Majlis perasmian penutup Hari Sukan Sekolah SMA Sains Kuala Pilah telah berakhir pada jam 1.00 petang. Setelah itu, YB Tn. Hj. Abu Samah Bin Mahat dan para tetamu dijemput untuk menjamu selera di kantin manakala murid-murid serta guru yang bertugas bersama-sama membersihkan sekitar kawasan padang sekolah. Program Hari Sukan SMA Sains Kuala Pilah ini telah berjaya dijalankan dengan jayanya.



## **REFLEKSI KENDIRI**

### **PENGENALAN**

Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah telah mengadakan Hari Sukan Sekolah pada tanggal 19 Februari 2017 bersamaan pada hari Ahad. Hari Sukan Sekolah merupakan satu aktiviti tahunan yang perlu dilaksanakan untuk memenuhi program tahunan sekolah yang wajib dilaksanakan pada setiap tahun. Program ini diadakan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari semua aspek iaitu jasmani, rohani, intelek dan emosi sekali gus mencapai ke arah matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan

### **KEKUATAN**

Selepas temasya sukan ini berjaya dilaksanakan, saya mendapati terdapat pelbagai kekuatan dan kelemahan yang boleh saya jadikan teladan dan tauladan di masa akan datang. Antara kekuatan yang saya lihat dalam program yang dijalankan ialah kerjasama yang diberikan oleh guru-guru dan murid-murid di SMA Sains Kuala Pilah. Mereka banyak memberi bantuan serta sentiasa memberi sokongan antara satu sama lain semasa program ini berlangsung. Perancangan dan persediaan awal seperti pengagihan kerja dan aktiviti gotong-royong banyak membantu dalam melancarkan temasya ini. Selain itu, pihak pengurusan SMA Sains Kuala Pilah juga amat membantu dalam menjayakan program yang hendak dilakukan dan sedia memberikan sumbangan bagi memastikan temasya ini dapat berjalan dengan sempurna. Tanpa sokongan dan kerjasama dari pihak-pihak ini, pastinya Hari Sukan SMA Sains Kuala Pilah ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Seterusnya, kekuatan kedua yang boleh dikesan dari program ini ialah banyak ilmu dan pengalaman baru yang dapat dipelajari oleh saya, rakan-rakan serta seluruh warga SMA Sains Kuala Pilah. Saya telah ditugaskan sebagai penyelia peserta bersama seorang lagi guru. Ketika menjalankan tugas ini, saya dapat mempelajari bagaimana untuk menguruskan diri serta murid-murid dengan lebih berkesan terutama di dalam program yang besar seperti ini. Tugas penyelia peserta amat penting dalam memastikan temasya sukan sekolah ini dapat berjalan dengan lancar. Di samping itu, temasya ini juga telah memberi kesedaran kepada saya tentang pentingnya seorang guru dalam memastikan keseimbangan dalam perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual murid-murid. Saya dapat perhatikan

bahawa murid-murid sangat gembira sepanjang temasya ini berlangsung dan ini amat baik dalam perkembangan diri mereka. Di sini saya dapat simpulkan bahawa murid-murid perlu mendapatkan aktiviti riadah dengan secukupnya agar perkembangan diri mereka boleh berlaku dengan lebih seimbang.

## **KELEMAHAN**

Di sebalik kekuatan yang wujud, pasti akan timbulnya kelemahan. Itulah fitrah kehidupan di dunia, ada yang baik dan akan ada yang buruk. Begitu juga dengan temasya Hari Sukan Sekolah SMA Sains Kuala Pilah. Terdapat beberapa kelemahan yang wujud sepanjang temasya ini dijalankan. Kelemahan pertama yang saya dapati ialah masalah cuaca yang agak panas dan terik. Ini dapat dilihat apabila murid-murid berasa tidak selesa dan menahan kepanasan ketika beberapa acara pertandingan dijalankan. Keadaan ini bertambah teruk apabila kurangnya khemah untuk mereka berteduh dan menyebabkan ramai murid-murid terpaksa menahan kepanasan di tengah padang. Tetapi kelemahan seperti ini boleh diatasi sekiranya pihak sekolah memandang serius masalah ini dan mengelakkan perkara seperti ini berulang di masa hadapan.

Selain itu, kelemahan yang kedua pula ialah ketiadaan pengalaman yang mencukupi dalam membantu menjayakan sesebuah program. Kelemahan ini boleh menjadi satu faktor yang menyebabkan perjalanan sesuatu program seperti temasya sukan sekolah ini tidak berjalan dengan lancar. Contohnya dapat dilihat apabila wujudnya salah faham antara saya dan rakan guru ketika menjalankan tugas penyelia peserta dan menyebabkan beberapa acara pertandingan lewat dijalankan. Namun begitu, dengan adanya tugas seperti ini, maka dapatlah saya menimba pengalaman dan pengetahuan yang baru. Walaupun masih kekurangan ilmu di dada, tetapi atas dasar tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan oleh guru-guru lain, maka program dapat dilaksanakan dengan jayanya.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, walaupun wujud beberapa kekurangan, namun pelbagai manfaat yang saya dapati hasil daripada temasya yang dilaksanakan ini. Antaranya sikap bekerjasama antara guru dan murid, setiakawan, bertolak ansur, memupuk sifat sabar, dan dapat meningkat keyakinan dan kreativiti diri. Pengalaman ini cukup bermakna bagi saya gunakan pada masa-masa akan datang.